



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURUMESIN TINGKAT I (E.1-2-3 EB.4)
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. JURUMESIN TINGKAT I
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
E.1-2-3 EB.4 (\$515 - \$875 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding.

ATAU

- b) BDTVEC/BTEC *National Trade Certificate Grade 3 (NTC3)*/ BDTVEC *National Vocational Certificate* dalam bidang *Automotive* atau bidang bersesuaian.

ATAU

- c) Telah berkhidmat di Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- d) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

2. Mempunyai Sijil *City and Guilds* dalam bidang *Automotive* adalah kelebihan.
3. Berpengalaman dalam kerja-kerja pembaikan, menguji, mengendali dan memelihara jentera berat dan enjin sangkut.



4. Mempunyai lesen menandu Kelas 3 yang sah.
5. Mempunyai lesen memandu Kelas 5 yang sah adalah kelebihan.
6. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah kelebihan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Membuat kerja-kerja penyelenggaraan semua jentera dan kenderaan bomba dalam masa 12 bulan. Mengganti motor *oil*, *oil and fuel filter*, *transmission / gearbox oil* dan *coolant* (*Preventive Maintenance*);
2. Membuat kerja-kerja penggantian *fast moving / wear and tear parts* seperti *belting*, *brake pad*, *fuel pump*, *brake pump*, *hose*, *radiator* dan sebagainya yang dikategorikan sebagai alat ganti di luar enjin yang sering rosak setiap tahun (*Minor Corrective Maintenance*); dan
3. Membuat kerja-kerja *general overhaul*; dan *top overhaul* yang melibatkan penggantian alat ganti dalam enjin atau pam (*Major Corrective Maintenance*).